



Baca dan fahami petikan.

Berlatih Bersama-sama

Chun Han, Aidil dan Dinesh membuat keputusan untuk menyertai Pertandingan Suara Harmoni. Sebelum pertandingan berlangsung, mereka berbincang untuk membuat persediaan.

“Mari kita berlatih di rumah saya,” kata Chun Han.

Aidil dan Dinesh bersetuju. Mereka juga bersepakat untuk memilih lagu yang bertajuk “Teman Setia”. Lagu itu membawa mesej persahabatan.

Semasa berlatih, kakak Chun Han turut membimbing mereka membuat persembahan. Dia merakamkan persembahan dengan menggunakan video. Oleh sebab itu, mereka dapat mengenal pasti kelemahan menerusi rakaman tersebut.

“Amboi, kamu bertiga berbakat! Kakak yakin jika kamu rajin berusaha, kamu pasti akan berjaya kerana usaha tangga kejayaan,” kata kakak Chun Han.

Chun Han, Aidil dan Dinesh mengangguk tanda bersetuju.



1. Siapakah yang membuat keputusan untuk menyertai Pertandingan Suara Harmoni?

2. Chun Han, Aidil dan Dinesh berlatih di rumah siapa?

3. Lagu “Teman Setia” membawa mesej apa?

4. Semasa berlatih siapakah yang membimbing Chun Han, Aidil dan Dinesh?

5. Bagaimanakah Chun Han, Aidil dan Dinesh dapat mengenal pasti kelemahan mereka?